



Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk membuat permohonan jawatan seperti berikut. Keutamaan diberikan kepada Rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.

JAWATAN : **PEMBANTU TADBIR**
GRED JAWATAN : **N1**
PIHAK BERKUASA TEMPATAN : **MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH**
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA**

SYARAT LANTIKAN 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan; dan
- (c) i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1:RM1,500.00); atau
- ii. Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau
- iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,561.00); atau

- iv. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00);

**SYARAT
KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

TARAF JAWATAN : Tetap / Kontrak

DESKRIPSI TUGAS : Menjalankan tugas berkaitan pengurusan dan rekod.
Melaksanakan tugas-tugas perkeranian.
Menjalankan tugas berkaitan khidmat pelanggan.
Memberi sokongan dalam operasi pejabat seperti pengendalian mesin fotostat serta penyediaan bilik dan dokumen-dokumen mesyuarat.
Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON :

- (a) Permohonan boleh dibuat secara atas talian dengan melayari laman web Perak Digital, <https://digital.perak.my>.
- (b) Permohonan daripada calon-calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan-Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab "A" 21. Permohonan yang tidak menepati peraturan akan ditolak.

Tarikh Tutup Permohonan : 24 Julai 2025

Catatan Am :

- i. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga. **Pihak MDPT boleh membuat ujian secara atas talian / ujian kecergasan sebagai mekanisme tapisan sekiranya perlu.**
- ii. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ini ditutup hendaklah menganggap permohonan tersebut tidak berjaya.